

DBKL selesai sesi taklimat bersama penjaja, pemegang taruh Masjid India

KUALA LUMPUR - Wakil penjaja dan pemilik premis sekitar Jalan Masjid India diberi taklimat berkenaan status kerja pembaikan dan pemulihan tanah jerlus di kawasan itu.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan, pertemuan diadakan pada Selasa turut disertai pemegang taruh lain dan dipengerusikan

Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL, Mohamad Hamim.

Menurutnya, menerusi taklimat itu, DBKL memberi penerangan gerak kerja dilakukan di lokasi insiden membabitkan seorang warga India terjatuh ke lubang benam dalam kejadian 23 Ogos lalu.

“DBKL dan semua agensi berkaitan terus komited menjalankan kerja pe-

meriksaan dan baik pulih sekiranya perlu bagi memastikan kepentingan semua pihak diutamakan dan dipelihara,” katanya menerusi di Facebook rasmi DBKL.

Terdahulu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif sebelum ini memaklumkan proses baik pulih kawasan tanah jerlus dijangka mengambil masa antara tiga hingga enam

bulan.

Menurutnya, kerja baik pulih membabitkan siasatan dan kajian integriti paip air bawah tanah oleh Indah Water Konsortium (IWK).

DBKL berkata, pihaknya juga akan bekerjasama dengan pihak Air Selangor untuk meneliti paip air bawah tanah di lokasi berkenaan.